

16 FEB 2001

NAMA BARU KEMENTERIAN SHAHRIZAT

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Kementerian Hal Ehwal Wanita, yang diterajui oleh Datuk Shahrizat Abdul Jalil, kini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Menurut kenyataan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, kementerian itu akan mengambil alih Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Kementerian itu akan bertanggungjawab terhadap pembangunan wanita yang memerlukan penglibatan keluarga yang secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi dan menentukan pencapaian, kemajuan dan kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara.

Menurut kenyataan itu, organisasi kementerian berkenaan sedang diteliti oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

Fungsi lain kementerian itu akan ditentukan setelah organisasi kementerian berkenaan diwujudkan selain perbincangan dengan kementerian dan agensi lain yang berkaitan.

Pada 17 Jan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pelantikan Shahrizat sebagai menteri bagi kementerian yang baru ditubuhkan itu.

-- BERNAMA
NZ AZZ LAT